



# **GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI FAKULTI PERUBATAN**

**SEKRETARIAT PENGAJIAN SISWAZAH  
FAKULTI PERUBATAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

# KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>                                                                                                                                       | <b>HALAMAN</b> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| Tarikh kelulusan                                                                                                                                     | 1              |
| 1.0 Pengenalan                                                                                                                                       | 2              |
| 2.0 Dokumen rujukan                                                                                                                                  | 2              |
| 3.0 Prosedur permohonan                                                                                                                              | 2              |
| 4.0 Penilaian permohonan                                                                                                                             | 3              |
| 5.0 Format penulisan tesis/disertasi format kompilasi                                                                                                | 4              |
| 6.0 Pemeriksaan tesis/disertasi format kompilasi                                                                                                     | 5              |
| 7.0 Tarikh kuat kuasa                                                                                                                                | 6              |
| Appendix                                                                                                                                             |                |
| a) Contoh carta alir untuk menunjukkan perkaitan penerbitan-penerbitan yang disertakan dalam tesis/disertasi format kompilasi dengan objektif kajian |                |
| b) Perakuan tesis/disertasi format kompilasi                                                                                                         |                |
| c) Contoh susunan dan kandungan tesis/disertasi format kompilasi                                                                                     |                |
| d) Perbandingan garis panduan penulisan tesis/disertasi format kompilasi                                                                             |                |

## TARIKH KELULUSAN

- (a) Mesyuarat Pengajian Siswazah MPS Bil. 279 bertarikh pada 31hb Januari 2024 dan Mesyuarat Fakulti Bil. 400 bertarikh 14hb Febuari 2024 telah memperakukan dan meluluskan Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Format Kompilasi Fakulti Perubatan UKM.

## 1.0. PENGENALAN

Program Sarjana Sains Perubatan dan Doktor Falsafah (mod penyelidikan), Fakulti Perubatan boleh memohon menulis tesis/disertasi format kompilasi selain daripada tesis/disertasi konvensional. Format ini adalah khusus untuk pelajar yang telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan hasil penyelidikannya dalam bidang di dalam jurnal berimpak.

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan yang lebih teliti kepada pelajar siswazah Fakulti Perubatan yang bercadang untuk menyediakan tesis/disertasi format kompilasi. Garis panduan ini merangkumi prosedur dan tatacara permohonan, serta struktur dan format tesis/disertasi format kompilasi.

## 2.0. DOKUMEN RUJUKAN

- (a) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021
- (b) Panduan Penulisan Tesis GAYA UKM (Cetakan Ketiga)
- (c) Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi (Edisi Semakan 2022)

## 3.0. PROSEDUR PERMOHONAN

Penyelia bersetuju bahawa tesis/disertasi penyelidikan yang telah dijalankan ditulis dalam bentuk tesis/disertasi format kompilasi. Pemohon perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan Fakulti Perubatan, melalui Sekretariat Pengajian Siswazah Fakulti Perubatan, besertakan dengan dokumen berikut:

- (a) **Senarai terperinci dan salinan makalah-makalah:**
  - Pelajar Kedoktoran tidak kurang daripada **EMPAT (4)**, di mana **DUA (2)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam **jurnal berimpak kuartil 1**.
  - Pelajar Sarjana tidak kurang dari **DUA (2)**, di mana **SATU (1)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam **jurnal berimpak kuartil 1**.
  - Hanya penerbitan berbentuk **artikel penuh** (*full length article*) atau **ulasan sistematik** (*systematic review article*) boleh diterima sebagai kriteria minimum makalah.
  - Pelajar merupakan **pengarang pertama** (*first author*) atau **pengarang koresponden** (*corresponding author*) bagi setiap makalah yang dinyatakan di atas dan **ditulis bersama penyelia**.
  - Pelajar yang mempunyai lebih dari satu afiliasi perlu meletakkan **UKM sebagai afiliasi pertama**.

- Penerbitan yang pernah dikemukakan untuk penganugerahan sebarang ijazah lain atau sebahagian daripada ijazah lain tidak boleh digunapakai.
- (b) Satu **ringkasan eksekutif** (dalam 250 patah perkataan) dan **carta alir** (rujuk **Appendix A**) yang merangkumi perkara berikut:
- Memberikan konteks/gambaran/kandungan kepada makalah yang diterbitkan; dan
  - Menunjukkan hubung kait makalah yang diterbitkan dengan persoalan kajian dan objektif kajian yang ditangani.
- (c) **Perakuan sumbangan** yang jelas dari pelajar dan pengarang bersama kepada setiap makalah yang diterbitkan/diterima yang merangkumi perkara berikut (rujuk **Appendix B**):
- Menunjukkan komponen kerja yang dijalankan oleh pelajar dan komponen yang dijalankan oleh pengarang bersama.
  - Menunjukkan anggaran peratusan sumbangan yang dibuat oleh pelajar.
  - Kenyataan ini hendaklah mendapat kelulusan penyelia.
  - Dalam situasi di mana makalah yang diterbitkan/diterima mempunyai lebih daripada seorang pelajar, dan kedua-dua pelajar adalah pengarang pertama bersama (*co-first authors*), maka hanya seorang pelajar sahaja boleh menggunakan makalah tersebut dalam tesis/disertasi format kompilasi, dan mesti mempunyai kebenaran bertulis daripada pelajar pengarang pertama yang lain.
- (d) **Kebenaran hak cipta daripada penerbit makalah** yang diterbitkan/diterima sekiranya tesis/disertasi hendak dibukukan.

#### 4.0. PENILAIAN PERMOHONAN

Jawatankuasa Penilaian Permohonan yang terdiri ahli akademik yang dilantik oleh Timbalan Dekan (Siswazah) ditubuhkan untuk menyemak permohonan pelajar dan hendaklah:

- (a) menilai kualiti dan kesinambungan bagi makalah yang diterbitkan;
- (b) menilai persoalan dan objektif kajian adalah berkaitan dengan setiap makalah yang diterbitkan;
- (c) mengesahkan/memastikan ringkasan eksekutif yang dikemukakan dapat memenuhi kriteria dan mencapai tahap kelayakan program untuk penganugerahan ijazah; dan
- (d) membuat pengesyoran kepada Dekan Fakulti Perubatan.

## 5.0. FORMAT PENULISAN TESIS/ DISERTASI FORMAT KOMPILASI

Keseluruhan tesis/disertasi perlu disediakan mengikut format penulisan tesis/disertasi Gaya UKM. Kandungan tesis/disertasi perlu merangkumi perkara berikut (rujuk **Appendix C**):

- (a) **Abstrak** dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (b) **Bab Pengenalan**
  - Perlu memberi pengenalan kepada isu yang dikaji.
  - Perlu menjelaskan persoalan kajian dan objektif kajian yang ditangani.
  - Perlu menghuraikan senarai makalah yang diterbitkan/diterima dan perkaitan di antara makalah bagi memastikan dipersembahkan dalam bentuk yang bersepadu.
  - Perlu menerangkan susun atur penyelidikan dalam bentuk carta alir (Rujuk **Appendix A**).
- (c) **Bab Ulasan Kepustakaan**
- (d) **Bab Bahan Penerbitan**
  - Setiap makalah yang telah diterbitkan perlu dipersembahkan sebagai bab berasingan di dalam tesis/disertasi.
  - Bahan penerbitan hendaklah disusun dengan teliti, dan perlu dibentangkan dalam susunan yang logik dengan perkembangan hujahan tesis/disertasi, dan tidak semestinya mengikut susunan kajian itu dijalankan atau diterbitkan.
  - Semua makalah yang diterbitkan mesti diformat mengikut Panduan Penulisan Tesis GAYA UKM untuk menyediakan format yang konsisten kepada tesis/disertasi. Format yang konsisten akan membantu pembaca, terutamanya apabila tesis/disertasi format kompilasi mempunyai bab-bab bahan belum diterbitkan.
  - Makalah yang diterbitkan mesti disertakan tanpa perubahan (perlu sama dengan versi yang diterbit/diterima), perubahan yang diterima adalah:
    - Huruf, saiz huruf dan selang baris mengikut GAYA UKM.
    - Format tajuk jadual dan ilustrasi mengikut GAYA UKM.
    - Penulisan rujukan dalam teks mengikut GAYA UKM.
    - Sebarang kesilapan ejaan dalam manuskrip mesti ditinggalkan semasa penyediaan tesis/disertasi, kesilapan tersebut hanya boleh dibetulkan selepas peperiksaan lisan.
    - Jika calon mendapati bahawa aspek tertentu dari makalah yang diterbitkan perlu dibincangkan dengan lebih lanjut, ini boleh dilakukan dalam bahagian pendahuluan setiap bab makalah penerbitan, dalam bab perbincangan atau bab kesimpulan.
  - Satu pernyataan **pendahuluan** (dalam 1 muka surat) perlu ditambah pada permulaan setiap bab bahan penerbitan untuk menjelaskan perkaitan bab tersebut dengan bab sebelumnya dan/atau menerangkan bagaimana makalah tersebut berkait dengan hujahan tesis/disertasi secara keseluruhan.

- Abstrak makalah dan maklumat jurnal penerbitan perlu disertakan bagi tesis/disertasi yang ditulis dalam bahasa yang selain dari bahasa penulisan tesis/disertasi.
- (e) Bab **Bahan Tidak/Belum Diterbitkan** (jika berkenaan)
- (f) Bab **Perbincangan** (jika berkenaan)
  - Bab ini bertujuan untuk mengintegrasikan bab-bab Bahan Penerbitan dan meletakkannya dalam konteks persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab Pengenalan.
  - Bab ini boleh digabungkan dengan Bab Kesimpulan.
- (g) Bab **Kesimpulan**
  - Bab ini mensintesis dapatan kajian dan memberi kesimpulan menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan dan menerangkan sumbangan utama tesis/disertasi.
- (h) **Rujukan**
- (i) **Lampiran**
  - Senarai hasil penerbitan dengan salinan muka depan makalah yang diterbitkan/diterima untuk penerbitan.
  - Perakuan sumbangan yang jelas dari pelajar dan pengarang bersama kepada setiap makalah yang diterbitkan/diterima.
  - Surat kebenaran mengenai hak cipta daripada penerbitan makalah.
  - Pelajar juga boleh memasukkan data mentah atau kaedah kajian yang terperinci sebagai lampiran.

## 6.0. PEMERIKSAAN TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI

Penyelia perlu memastikan bahawa pemeriksa dalam dan luar tesis yang dicalonkan dimaklumkan mengenai pemeriksaan tesis/disertasi format kompilasi.

Peranan pemeriksa tesis/disertasi format kompilasi adalah berbeza berbanding tesis/disertasi konvensional, memandangkan kandungan tesis/disertasi dibentangkan sebagai koleksi makalah yang telah diterbitkan/diterima untuk penerbitan. Dalam keadaan ini, pemeriksa tesis/disertasi perlu fokus kepada:

- (a) menilai sama ada kandungan tesis/disertasi merupakan satu penyelidikan yang bersepadu (*cohesive*);
- (b) menilai sama ada jumlah kajian daripada makalah yang disertakan dalam tesis/disertasi mencukupi untuk penganugerahan ijazah;
- (c) menilai sama ada pelajar telah membuat sumbangan intelektual yang mencukupi untuk setiap makalah yang disertakan dalam tesis/disertasi;
- (d) menentukan bahawa pelajar memahami penyelidikan mereka dalam konteks bidang yang dikaji dan telah menjelaskan konteks ini;
- (e) menentukan bahawa pelajar memahami implikasi kajian mereka untuk penyelidikan masa depan dan telah menjelaskan implikasi ini.

## **7.0. TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi Fakulti Perubatan UKM berkuat kuasa pada mulai 14hb Februari 2024.



APPENDIX A:

CONTOH CARTA ALIR UNTUK MENUNJUKKAN PERKAITAN PENERBITAN-PENERBITAN YANG DISERTAKAN DALAM TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI DENGAN OBJEKTIF KAJIAN




Figure 1.2 A general flow chart of outline of this thesis

## APPENDIX B:

### PERAKUAN TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI

Perakuan ini perlu dimasukkan dalam tesis/disertasi format kompilasi. Pelajar mesti mengemukakan butiran semua penerbitan yang disertakan dalam tesis/disertasi dalam bahagian di bawah.

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis/disertasi ini tidak mengandungi bahan yang telah diterima untuk penganugerahan mana-mana ijazah lain di mana-mana universiti atau institusi yang setaraf dan bahawa, sepanjang pengetahuan saya, tesis ini tidak mengandungi bahan yang pernah diterbitkan atau ditulis oleh orang lain, kecuali kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tesis/disertasi ini termasuk (masukkan bilangan) makalah yang diterbitkan dalam jurnal dan (masukkan bilangan) penerbitan yang dihantar. Konsep, pembangunan kaedah kajian dan penulisan semua makalah dalam tesis/disertasi ini adalah tanggungjawab utama saya sendiri, sebagai pelajar di (masukkan nama Jabatan), Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, di bawah seliaan (masukkan nama penyelia).

Dalam bab (masukkan nombor bab), sumbangan saya kepada makalah-makalah yang diterbitkan melibatkan perkara-perkara berikut:

| Bab | Tajuk penerbitan                                                            | Status (Diterbitkan, diterima, semakan, dihantar) | Peranan dan % sumbangan pelajar <sup>#</sup>                                                                      | Pengarang bersama, peranan dan sumbangan pengarang bersama*                                                                         | Pengarang bersama yang juga merupakan pelajar UKM, Y/T* |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|
| 3   | Parkinson's disease model in zebrafish using intraperitoneal MPTP injection | Diterbitkan                                       | Rawatan haiwan, pengumpulan data, analisis, dan penulisan draf pertama, pembedaan makalah berdasarkan komen. 60%. | 1) Jaya Kumar, konseptualisasi dan penyeliaan 15%<br>2) Seong Lin Teoh, konseptualisasi, penyeliaan, dan semakan kritis makalah 25% | Tidak<br><br>Tidak                                      |
| 4   |                                                                             |                                                   |                                                                                                                   |                                                                                                                                     |                                                         |
| 5   |                                                                             |                                                   |                                                                                                                   |                                                                                                                                     |                                                         |
| 6   |                                                                             |                                                   |                                                                                                                   |                                                                                                                                     |                                                         |

<sup>#</sup> Pelajar sebagai pengarang pertama perlu mempunyai sumbangan yang besar dan signifikan (sekurang-kurangnya 50%) dalam makalah yang mempunyai berbilang pengarang. Makalah

*di mana pelajar mempunyai sumbangan kurang daripada 50% boleh dimasukkan dalam senarai ini jika makalah tersebut mempunyai sumbangan signifikan kepada tesis, tetapi tidak boleh digunapakai sebagai kriteria minimum makalah bagi permohonan penulisan tesis/disertasi format kompilasi. Makalah dengan sumbangan kecil boleh dimasukkan dalam Lampiran Senarai Hasil Penyelidikan.*

*\* Biarkan kosong jika tiada pengarang bersama.*

**Nama Pelajar:**

**Tandatangan Pelajar:**

**Tarikh:**

Saya dengan ini memperakui bahawa pengisytiharan di atas menggambarkan peranan dan tahap sumbangan pelajar dan pengarang bersama terhadap penerbitan dalam **tesis/disertasi** format kompilasi ini. Dalam keadaan di mana saya bukan pengarang koresponden, saya telah berunding dengan pengarang koresponden untuk bersetuju dengan sumbangan semua pengarang bersama.

**Nama Penyelia Utama:**

**Tandatangan Penyelia Utama:**

**Tarikh:**

## APPENDIX C:

### CONTOH SUSUNAN DAN KANDUNGAN TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI

HALAMAN JUDUL  
PENGAKUAN  
PENGHARGAAN  
ABSTRAK  
ABSTRACT (Terjemahan Abstrak)  
KANDUNGAN  
SENARAI JADUAL  
SENARAI ILUSTRASI  
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

#### BAB I PENDAHULUAN

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Permasalahan Kajian
- 1.3 Objektif Kajian
- 1.4 Hipotesis Kajian
- 1.5 Senarai Penerbitan
- 1.6 Organisasi Penulisan (*Dengan carta alir, rujuk Appendix A*)

#### BAB II ULASAN KEPUSTAKAAN

#### BAB III MAKALAH PERTAMA

- 3.1 Pendahuluan (*Menjelaskan perkaitan bab dengan hujahan tesis secara keseluruhan*)
  - 3.2 Pengenalan
  - 3.3 Kaedah Kajian
  - 3.4 Hasil Kajian
  - 3.5 Perbincangan
  - 3.6 Kesimpulan
- } *Teks makalah mengikut format GAYA UKM*

#### BAB IV MAKALAH KEDUA

#### BAB V MAKALAH KETIGA

#### BAB VI MAKALAH KEEMPAT

#### BAB VII KAJIAN TIDAK/BELUM DITERBITKAN (*Jika berkenaan*)

#### BAB VIII PERBINCANGAN (*Boleh digabungkan dengan bab Rumusan*)

#### BAB IX RUMUSAN DAN PENUTUP

- 9.1 Rumusan dan Penemuan Kajian
- 9.2 Sumbangan Kajian
- 9.3 Cadangan Kajian Lanjutan
- 9.4 Penutup

#### RUJUKAN

#### LAMPIRAN

Lampiran A Senarai hasil penerbitan dengan salinan muka depan makalah yang diterbitkan

- Lampiran B Perakuan tesis/ disertasi format kompilasi (*Rujuk Appendix B*)
- Lampiran C Surat kebenaran mengenai hak cipta daripada penerbit makalah
- Lampiran D Kaedah kajian terperinci
- Lampiran E Data mentah

APPENDIX D:

PERBANDINGAN GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS/DISERTASI KOMPILASI

|                                     | UKM                                                                                                                                             | Fakulti Perubatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Syarat penulisan prospektif PhD     | Telah menerbit/ telah diterima <b>4 penerbitan (2 adalah Q1):</b>                                                                               | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| Syarat penulisan prospektif Sarjana | Telah menerbit/ telah diterima <b>2 penerbitan (1 adalah Q1):</b>                                                                               | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| Syarat penulisan retrospektif PhD   | Telah menerbitkan <b>5 penerbitan</b> pra-pendaftaran dan <b>2 penerbitan</b> dalam tempoh pengajian ( <b>3 (pra) + 1 (semasa) adalah Q1</b> ). | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| Kertas ulasan                       | Kertas ulasan yang memenuhi objektif penyelidikan pelajar <b>boleh dipertimbangkan.</b>                                                         | Hanya <b>ulasan sistematik</b> diterima.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Permohonan                          | Pelajar perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan.                                                                                  | Pelajar perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan, dengan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Senarai terperinci dan salinan hasil penerbitan.</li> <li>- Ringkasan eksekutif dan carta alir yang menunjukkan hubungan kait makalah yang diterbitkan dengan persoalan kajian dan objektif kajian yang ditangani.</li> <li>- Perakuan sumbangan yang jelas dari pelajar dan pengarang bersama kepada setiap makalah yang diterbitkan/diterima.</li> <li>- Kebenaran hak cipta daripada penerbit makalah.</li> </ul> |
| Format                              | Keseluruhan tesis/disertasi perlu disediakan mengikut format penulisan tesis/disertasi Gaya UKM.                                                | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| Abstrak                             | Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.                                                                                                        | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |

|                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bab Pengenalan              | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi pengenalan kepada isu yang dikaji.</li> <li>- Mempamerkan perkaitan di antara makalah yang telah diterbitkan bagi memastikan dipersembahkan dalam bentuk yang bersepadu.</li> <li>- Menerangkan susun atur penyelidikan dalam <b>bentuk carta alir</b>.</li> </ul>                          | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| Bab Ulasan Kepustakaan      | -                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Perlu ada.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Bab Bahan Penerbitan        | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Setiap makalah yang telah diterbitkan perlu dipersembahkan sebagai bab berasingan di dalam tesis/disertasi.</li> <li>- Abstrak makalah dan maklumat jurnal penerbitan perlu disertakan bagi tesis/disertasi yang ditulis dalam bahasa yang selain dari bahasa penulisan tesis/disertasi.</li> </ul> | <p>Sama, dengan penambahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Makalah yang diterbitkan mesti disertakan tanpa perubahan (perlu sama dengan versi yang diterbit/diterima), perubahan yang diterima adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Huruf, saiz huruf, selang baris, mengikut GAYA UKM.</li> <li>▪ Format tajuk jadual dan ilustrasi mengikut GAYA UKM.</li> <li>▪ Penulisan rujukan dalam teks mengikut GAYA UKM.</li> </ul> </li> <li>- Satu pernyataan <b>pendahuluan</b> perlu ditambah pada permulaan setiap bab bahan penerbitan untuk menjelaskan perkaitan bab tersebut dengan bab sebelumnya dan/atau menerangkan bagaimana makalah tersebut berkait dengan hujahan tesis/disertasi secara keseluruhan.</li> </ul> |
| Bab Bahan Belum Diterbitkan | -                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Jika berkenaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Bab Perbincangan Umum       | -                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Jika berkenaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Bab Kesimpulan              | Mensintesis dapatan kajian danmemberi kesimpulan                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

|          |                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|          | menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan dan menerangkan sumbangan utama tesis/disertasi. |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| Rujukan  | Senarai rujukan merangkumi rujukan bagi bab Pengenalan dan bab Kesimpulan.                             | Sama.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| Lampiran | -                                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Senarai hasil penerbitan dengan salinan muka depan makalah yang diterbitkan/diterima.</li> <li>- Perakuan sumbangan yang jelas dari pelajar dan pengarang bersama kepada setiap makalah yang diterbitkan/diterima.</li> <li>- Surat kebenaran mengenai hak cipta daripada penerbitan makalah.</li> <li>- Data mentah atau kaedah kajian yang terperinci (jika berkenaan).</li> </ul> |